



SYARAT DAN PERATURAN FOTOGRAFI DAN PENGGAMBARAN DI MUZIUM DAN MONUMEN DI PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI SELANGOR

1. Permohonan penggambaran perlu dikemukakan kepada Ketua Pegawai Eksekutif PADAT **sekurang-kurangnya 5 hari bekerja sebelum tarikh penggambaran**. Pihak PADAT berhak menolak permohonan yang diterima kurang dari masa yang ditetapkan.
2. Pihak agensi tidak dibenarkan untuk mengalih atau mengubah koleksi/artifak yang dipamerkan dan dilarang sama sekali membuat kerja pertukangan di sekitar premis.
3. Pihak agensi adalah bertanggungjawab untuk membayar ganti rugi di atas sebarang kerosakan ke atas kemudahan/ koleksi / artifak/ fasiliti yang diakibatkan oleh aktiviti penggambaran atau fotografi.
4. Pihak PADAT tidak akan bertanggungjawab di atas segala kecederaan/ kehilangan/kerosakan alatan atau sebarang kos tambahan yang ditanggung oleh pihak agensi
5. Pihak PADAT berhak untuk menolak, menghalang dan membatalkan penggambaran sekiranya ia didapati melanggar dasar dan polisi PADAT seperti berikut:
 - a) menonjolkan elemen khurafat, syirik atau di luar tabii.
 - b) menonjolkan pakaian seksi dan tidak sopan.
 - c) menonjolkan elemen hiburan yang keterlaluan seperti tarian K-pop, J-pop hip-hop dan sebarang bentuk hiburan lain yang melalaikan.
 - d) perkara-perkara lain yang dirasakan sebagai tidak sesuai oleh PADAT
6. Semua hasil penggambaran di premis PADAT tidak boleh digunakan untuk tujuan lain selain daripada yang dibenarkan mengikut permohonan.
7. Setiap hasil penggambaran hendaklah disertakan dengan nama lokasi (*credit title*) untuk rujukan umum.
8. Pihak agensi perlu menjaga adab kelakuan, kebersihan kawasan sekitar dan mengenakan pakaian yang sopan semasa penggambaran dijalankan.
9. Borang permohonan yang lengkap diisi perlu dilampirkan sekali gambar pakaian/busana yang akan digunakan oleh artis/model semasa penggambaran.
10. Pihak PADAT berhak untuk meminda syarat dan peraturan penggambaran dari semasa ke semasa.

11. Caj bayaran bagi penggambaran / fotografi yang dikenakan adalah seperti berikut:

a) Penggambaran (filem/drama/klip video/iklan TV) :

Hari / Masa	Kadar bayaran	Setiap jam berikutnya
Isnin hingga Khamis (8.00 pagi – 5.00 petang)	500.00	RM100.00
Sabtu dan Ahad (8.00 pagi – 5.00 petang)	700.00	RM100.00

b) Fotografi (majalah/iklan/promosi) :

Hari / Masa	Kadar bayaran	Setiap jam berikutnya
Isnin hingga Khamis (8.00 pagi – 5.00 petang)	300.00	RM50.00
Sabtu dan Ahad (8.00 pagi – 5.00 petang)	400.00	RM50.00

c) Fotografi (orang perseorangan seperti perkahwinan / raya) :

Hari / Masa	Kadar bayaran
Sabtu hingga Khamis	50.00 / setiap pasangan/kumpulan

d) Penggambaran (Dokumentari, Travellogue, Rancangan TV Pendidikan) :

Hari / Masa	Kadar bayaran
Sabtu hingga Khamis	RM100.00

**** Bayaran di atas adalah tetap dan sebarang pengurangan / pengecualian adalah tertakluk di bawah kelulusan KPE PADAT. Hari Jumaat tiada sebarang aktiviti penggambaran dibenarkan.***

12. Bayaran perlu dibuat sama ada melalui tunai atau secara *online* di atas nama **PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI SELANGOR (No. Akaun CIMB 8001942430)** dalam masa dua (2) hari sebelum tarikh penggambaran. Bukti pembayaran hendaklah diemelkan semula kepada pegawai bertanggungjawab sejurus selepas pembayaran dilakukan.

13. Sekiranya pembayaran telah dibuat dan pihak PADAT membatalkan penggambaran di atas sebab tersendiri, wang bayaran akan dikembalikan dalam tempoh empat belas hari bekerja.